



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

SIARAN MEDIA

TALENTCORP DAN PTPK NAIK TARAF LEBIH 900 PEKERJA BERDASARKAN KEPERLUAN INDUSTRI SECARA PERCUMA

SHAH ALAM, 26 JUN 2023 - Dua (2) buah agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia iaitu Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) telah bekerjasama dalam meningkatkan kemahiran dan melatih semula lebih 900 pekerja sebagai respon terhadap permintaan pekerja mahir dalam sektor ekonomi Malaysia. Inisiatif bersama yang dikenali sebagai Industry-Driven Talent Acceleration Programme (ID-TAP), memfokuskan industri seperti mekatronik, kejuruteraan elektrik dan elektronik, analisis data dan Teknologi Maklumat (IT).

Menteri Sumber Manusia, YB Tuan V. Sivakumar, menggesa majikan untuk meningkatkan kemahiran pekerja mereka secara proaktif dan memastikan pekerja mereka memiliki kemahiran yang diperlukan dalam persekitaran kerja yang semakin mencabar agar dapat memenuhi keperluan industri dan pelaburan serta mampu bersaing dalam pasaran pekerjaan di peringkat global.

Rangka kerja ID-TAP adalah berdasarkan keperluan industri yang membolehkan majikan mengenal pasti kemahiran dan pekerja yang diperlukan. Pada fasa pertama, PTPK telah meluluskan peruntukan sebanyak RM7.2 juta untuk memanfaatkan lebih 900 pekerja daripada lebih 100 buah syarikat, termasuk Perusahaan Kecil dan Sederhana. Kini terdapat sepuluh (10) buah Pusat Pembangunan Kemahiran Negeri (SSDC) yang menyediakan latihan termasuk di Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Pahang, Sarawak, Terengganu, Negeri Sembilan, dan Johor.

Encik Thomas Mathew, Ketua Pegawai Eksekutif TalentCorp Group, memaklumkan bahawa ID-TAP berupaya meningkatkan kualiti, keupayaan dan produktiviti pekerja, sambil meningkatkan daya saing dalam sektor utama. Beliau juga menekankan gabungan kerjasama yang erat daripada pekerja berbakat, industri, ahli akademik, dan Kerajaan akan mampu mengembangkan kemahiran tenaga kerja bagi membantu pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Pada Majlis Pelancaran yang diadakan di Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC), YB Tuan V. Sivakumar menyampaikan sijil kepada wakil dan peserta syarikat ID-TAP. Encik Mohd Fathullah bin Mustafa, Ketua Pegawai Eksekutif PTPK, menzahirkan penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada SSDC kerana telah mengambil bahagian yang aktif dalam mendekati majikan untuk menaik taraf pekerja mereka dengan kemahiran dalam permintaan. Sambutan majikan yang positif menjadi dorongan untuk mengembangkan ID-TAP kepada kumpulan bakat yang lebih besar.

Untuk maklumat lanjut beerkenaan inisiatif ID-TAP, sila hubungi En Afiq Rosman melalui emel afiq.rosman@talentcorp.com.my, atau sila layari www.ptpk.gov.my atau sila hubungi talian call 03-4051 6000.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA